



Siaran Akhbar

Petaling Jaya, 26 Oktober 2023

Nestlé Malaysia Teruskan Hala Tuju Positif Pada S3

Momentum Pertumbuhan dan Keuntungan Kukuh Dipacu Jualan Domestik Kukuh

SOROTAN PENTING

- Perolehan meningkat 5.3% kepada RM1.77 bilion, dicapai berasaskan pertumbuhan jualan sebanyak 11.7%.
- Keuntungan Selepas Cukai pada S3 2023 meningkat kepada RM133.7 juta, didorong oleh jualan domestik yang kukuh dan penambahbaikan berterusan dalam kecekapan dalaman.
- Dividen interim kedua sebanyak RM0.70 sesaham diumumkan.

PETALING JAYA, 26 Oktober 2023 – Nestlé (Malaysia) Berhad meneruskan momentum pertumbuhannya yang mantap bagi suku ketiga berakhir 30 September 2023, dengan mencatatkan hasil dan keuntungan yang kukuh. Dipacu oleh kekuatan jualan domestik berasaskan permintaan pengguna yang masih kukuh, prestasi yang lebih baik ini memperlihatkan rekod pencapaian konsisten Kumpulan dalam memenuhi pelbagai jangkaan rakyat Malaysia melalui portfolio produk dan jenamanya yang luas, selain aktiviti untuk menjana permintaan yang memberikan kesan positif.

Penilaian prestasi: Suku 3, 2023 berbanding Suku 3, 2022

Bagi suku ketiga 2023, Kumpulan mencatatkan perolehan yang mencecah RM1.77 bilion, iaitu kenaikan 5.3 peratus berbanding suku yang sama tahun lepas.

Jualan domestik kekal sebagai penyumbang utama dengan pertumbuhan dua angka sebanyak 11.7 peratus. Angka pertumbuhan ini sebahagiannya mengimbangi jualan eksport yang lebih rendah berbanding tahap jualan yang sangat tinggi pada suku yang sama tahun sebelumnya.

En. Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé (Malaysia) Berhad, berkata, "Momentum positif yang telah kami capai mencerminkan usaha gigih yang dilaksanakan oleh pasukan kami untuk terus membekalkan produk berkualiti tinggi, lazat dan berkhasiat yang memenuhi jangkaan rakyat Malaysia. Berlandaskan kecemerlangan pelaksanaan jualan meliputi semua peringkat rantai nilai, kami terus memastikan jenama dan tawaran produk kami tetap relevan di semua saluran komersial. Produk teras kami terus mencatatkan prestasi yang memberangsangkan, manakala inovasi yang kami pelopori baru-baru ini telah mendapat sambutan baik daripada pengguna, lantas memberikan kami keyakinan untuk terus menjana pertumbuhan dan keuntungan yang mampan."

Inovasi sekali lagi memainkan peranan penting pada suku tahun yang dilaporkan. Kumpulan terus meluaskan kedudukannya dalam segmen Minuman Tanpa Tensu yang berkembang pesat menerusi pelancaran Nestlé GOODNES, dengan menawarkan dua perisa awal, Oat dan Oat & Badam. Pelbagai produk ais krim baharu turut dilancarkan termasuk Nestlé MILO Kaw, LA CREMERIA Pulut Mangga dan LA CREMERIA Kacang Hazel, serta Nestlé Boba Gula Perang yang popular dalam bekas yang mudah dibawa pulang. Inovasi lain termasuk KIT KAT Biskut Karamel Masin edisi terhad dan Mi MAGGI *Cili Ala Kampung* dalam pek saiz mangkuk.

Suku tahun ini menyaksikan pelbagai acara dan aktiviti jenama diadakan, dengan usaha khas untuk terus mendidik masyarakat tentang kepentingan pemakanan sihat dan gaya hidup aktif. Penganjuran semula Hari Sarapan MILO Malaysia

secara besar-besaran di Putrajaya, Kuching dan Kota Kinabalu, telah menarik kunjungan lebih daripada 60,000 peserta. Manakala edisi keempat kempen Jalan Sejuta Batu NESTLÉ OMEGA PLUS menyaksikan 30,000 rakyat Malaysia mengambil bahagian secara maya untuk bersama-sama berjalan sejauh lebih 2,000,000 batu secara tergabung, jarak paling jauh yang dicapai sejak acara maya ini pertama kali diadakan.

Untung Sebelum Cukai dan Untung Selepas Cukai masing-masing meningkat kepada RM200.3 juta dan RM133.7 juta pada Suku 3, 2023. Prestasi ini dipacu oleh jualan domestik yang kukuh di samping usaha berterusan Kumpulan untuk meningkatkan kecekapan dalaman, inisiatif penjimatan kos dan kesan kos komoditi yang lebih sederhana. Perniagaan Wyeth, yang disepadukan buat kali pertama pada suku tahun ini, menjana hasil positif seperti yang dijangka.

En. Aranols menambah, "Kami terus melabur tahun demi tahun untuk memastikan aset perindustrian kami terus cekap dan berdaya saing, sambil mengurangkan kesan alam sekitar. Tahun ini, kami sekali lagi melihat kemajuan besar dalam ukuran alam sekitar penting yang dinilai. Sesungguhnya, kemajuan berterusan dalam inisiatif ESG kami melalui pelbagai program yang dilaksanakan tetap menjadi keutamaan. Kami sedang menggiatkan lagi usaha kami untuk melupuskan sisa plastik dengan mengembangkan kerjasama kami dengan beberapa majlis perbandaran untuk mencapai 170,000 isi rumah di Selangor dan Kuala Lumpur. "Sorotan penting dalam usaha ini ialah kerjasama yang diperluaskan baru-baru ini dengan Majlis Bandaraya Shah Alam dan KPT Recycle Sdn Bhd, sebuah syarikat pengurusan sisa yang mengkhusus dalam penyelesaian yang inovatif dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar, untuk meluaskan lagi liputan kawasan kediaman semasa kami. "

"Kami terus menggiatkan usaha untuk menaik taraf hidup masyarakat petani tempatan dengan memperluaskan program *Farmer Connect* ke Sabah dan Sarawak, di mana kami telah berganding bahu dengan Lembaga Koko Malaysia untuk menggalakkan penanaman koko lestari dan penerapan amalan Pertanian Regeneratif, dengan matlamat utama untuk meningkatkan ramuan koko tempatan yang digunakan dalam pembuatan produk kami. Inisiatif penanaman semula pokok dan pemulihan hutan kami, Projek RELeaf, terus dipergiatkan pada suku tahun yang dilaporkan. Setelah menanam sejuta pokok, kami kini menepati sasaran untuk menanam sejuta lagi pokok menjelang pertengahan 2024, berasaskan pengumuman yang kami buat sebelum ini."

Penilaian prestasi: Tempoh Semasa 2023 berbanding Tempoh Semasa 2022

Bagi tempoh sembilan bulan pertama berakhir 30 September 2023, Kumpulan mencatatkan perolehan sebanyak RM5.37 bilion, iaitu peningkatan 7.0 peratus berbanding RM5.02 bilion yang dicapai dalam tempoh yang sama tahun lepas, terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan dua angka dalam jualan domestik, didorong oleh permintaan yang kukuh. Prestasi ini sedikit terjejas oleh penurunan jualan eksport, yang telah memanfaatkan kesan pemulihan yang kukuh pada 2022 apabila ekonomi global dibuka semula selepas pandemik.

Untung Sebelum Cukai Kumpulan berjumlah RM702.4 juta dan Untung Selepas Cukai sebanyak RM511.8 juta bagi sembilan bulan pertama tahun ini masing-masing mencerminkan peningkatan sederhana sebanyak 3.9 peratus dan 5.0 peratus. Pencapaian ini disokong oleh pertumbuhan jualan domestik yang kukuh dan tumpuan berterusan terhadap kecekapan dalaman dan inisiatif penjimatan untuk mengimbangi kesan harga komoditi yang tidak menentu dan kadar pertukaran yang kurang menguntungkan. Untung Selepas Cukai yang lebih tinggi itu turut disokong oleh ketiadaan Cukai Makmur yang dikenakan pada 2022.

Sejajar dengan komitmen Kumpulan untuk menjana nilai bagi pemegang saham, Lembaga Pengarah mengisytiharkan dividen interim kedua sebanyak RM0.70 sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, konsisten dengan dividen interim kedua 2022.

Prospek

En. Aranols mengulas, "Sambil kami melangkah masuk ke suku terakhir tahun ini, kami berdiri teguh mendukung komitmen kami untuk memacu pertumbuhan Kumpulan yang mampan. Walaupun menghadapi persekitaran yang tidak menentu, terutamanya cabaran yang timbul akibat kelemahan Ringgit Malaysia dan turun naik berterusan dalam harga komoditi dan tenaga, kami terus memanfaatkan kedudukan kukuh dan keupayaan terbukti kami dalam menyediakan produk relevan yang memenuhi pelbagai keperluan rakyat Malaysia. Di samping itu, agenda ESG kami memastikan bahawa kami kekal di barisan hadapan membantu membentuk masa depan yang lebih hijau bagi Malaysia."

###

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami.

Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Shaheen Zaffar

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 6456
+6012-235 6865

E-mel: shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com

Shahida Irawan atau Yasmin Kadir

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348
+6019 688 7204 (Shahida) atau
+6017-237 9048 (Yasmin)

E-mel: acorncommunications@acornco.com.my